

Lelaki, wanita UMS juara Kejohanan Futsal IPTA/IPTS TM

Syariah

Oleh VITALIS G. BINGKASAN

vbingkasan@yahoo.com

KOTAKINABALU: Pasukan lelaki dan wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul juara Kejohanan Futsal Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/APTS) Telekom Malaysia (TM) yang berlangsung di Suria Futsal Jeselton Point dekat sini Sabtu lalu.

Perlawanan akhir bahagian lelaki menyaksikan UMS yang ditarisai Muhammad Affan Jumahat, Rainol Masaat, Alfred Danil @ Stanley, Muhamad Hanif, Muhamad Asraf, Wellington A. Engkong dan Muhamad Hafizan mengecewakan pasukan UMS-KAL 5-3.

Kemenangan itu juga merekodkan kemenangan seratus peratus UMS pada kejohanan itu.

Pemain yang membawa cabaran pasukan lelaki UMS berkenaan juga merupakan pemain yang telah membawa pulang gelaran juara Piala Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) pada 2009 dan Liga IPT Borneo tahun ini.

Bahagian lelaki kejohanan anjuran bersama TM dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu di sertai 24

pasukan.

Pasukan wanita UMS pula merangkul gelaran juara selepas mencatat tiga kemenangan dan satu seri.

Bahagian wanita disertai lima pasukan dan pertandingan dijalankan secara ligasatu pusingan bagi menentukan kedudukan pasukan.

Pasukan lain dalam bahagian wanita terdiri dari UiTM, IKBN Kinarut, Kolej Master Skill dan Politeknik Kota Kinabalu.

Jurulatih pasukan UMS, Azman Soaibah berkata kejayaan menjuarai kejohanan ini merupakan satu bonus kerana penyertaan mereka lebih kepada untuk memberikan pendedahan kepada pemain dalam persiapan menghadapi Kejohanan Futsal Masum yang akan berlangsung di Kuala Lumpur Mei depan.

Johan kejohanan itu menerima sebuah piala, medal dan wang tunai RM500, naib johan (RM350 dan medal) dan ketiga (RM250 dan medal)..

Hadiyah-hadiyah disampaikan Timbalan Pengarah Kampus HEP UiTM Sabah, Ag Bakar Ag Tatam.